



**PUSAT PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN PELAJAR**

# **BULETIN P3P**



## **BULETIN KHAS EDISI OPS BANJIR**

**UniMAP PRIHATIN**

# Isi Kandungan

SIDANG EDITORIAL	<b>1</b>
UCAPAN NAIB CANSELOR	<b>2</b>
UCAPAN TNC HEPA	<b>3</b>
DARI MEJA KETUA EDITOR	<b>4</b>
MISI OPS KASIH BANJIR TERENGGANU, KELANTAN & PAHANG I 6 JANUARI 2021	<b>5</b>
MISI OPS KASIH BANJIR YAN KEDAH I 22 OGOS 2021	<b>7</b>
MISI OPS KASIH BANJIR SHAH ALAM SELANGOR I 20 DISEMBER 2021	<b>9</b>
MISI OPS KASIH BANJIR PAHANG I 26 DISEMBER 2021	<b>11</b>
MISI OPS KASIH BANJIR TEMERLOH PAHANG I 2 JANUARI 2022	<b>13</b>
MEDIA   BANJIR	<b>15</b>

# Sidang Editorial

## **PENAUNG**

Yang Berbahagia Lt. Kol. Prof. Ts. Dr. Zaliman bin Sauli  
Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis

## **PENASIHAT**

YBhg. Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA)

Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Muzammil Jusoh  
Pengarah Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar (P3P)

Ts. Dr. Norshah Aizat Shuaib  
Timbalan Pengarah Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar (P3P)

## **KETUA EDITOR**

Nor Fadlita Ayu Razi  
Penolong Pendaftar Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar (P3P)

## **EDITOR BULETIN**

Nur Nazlina Nadzari - UTUSAN ONLINE

Nurhani Nabila Binti Mohd Noordin - Timbalan Yang Di-Pertua (TYDP)

Muhamad Asyraf bin Yaakob - Exco Kepimpinan, Kesukarelawanan dan  
Pengurusan Bencana

Muhammad Afnan bin Arzahari - Exco Prasarana dan Kelestarian Kampus  
MPP UniMAP

Nur Aiman Syafiq bin Mohd Rostam Affendi - Pengerusi Kelab SUKSIS  
UnMAP

Nurul Aida Othman - Penolong Pegawai Media Pusat Komunikasi Korporat

# Kata Aluan Naib Canselor



**Bismillahirrahmanirrahim**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan,

UniMAP Dua Dekad, Tradisi Gemilang, Teknologi-Transformasi-Komuniti,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Azza Wajalla kerana dengan limpah serta izin-Nya atas penerbitan e-Buletin P3P Ops Kasih Banjir 2.0. Sesungguhnya, penerbitan e-buletin ini mencerminkan kesungguhan pihak Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar (P3P) dalam menggembelng tenaga untuk menjayakan budaya kerja berpasukan.

Saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah kepada P3P di atas respon segera terhadap bencana banjir yang berlaku di Lembah Klang dan Pahang dengan menggerakkan misi sukarelawan Ops Bantuan Banjir UniMAP bermula Disember 2021 sehingga awal Januari 2022. Ini bertepatan dengan aspirasi saya dalam konteks memperkasakan graduan iaitu memberi penekanan terhadap peranan pelajar dalam projek-projek UniMAP for Society kerana manfaatnya bukan sahaja kepada universiti bahkan juga kepada pelajar. Keterlibatan pelajar dalam UniMAP4Society memberi nilai tambah kepada mereka terutama di tempat kerja serta memberi reputasi baik dalam kalangan majikan mereka terhadap UniMAP.

Antara kelebihan lain menyertai program sukarelawan ialah meningkatkan jaringan sosial, mewujudkan jaringan professional, meningkatkan kepuasan diri serta menjadikan tahap kesihatan psikologi menjadi lebih baik kerana aktiviti sukarelawan dapat meredakan tekanan bekerja mahupun belajar apabila kita dapat meringankan beban mereka yang dalam kesusahan atau membantu menyelesaikan masalah komuniti.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah kepada semua sidang redaksi yang terlibat bagi menerbitkan e-Buletin P3P Ops Kasih Banjir 2.0. Semoga UniMAP4Society dapat dipraktikkan oleh semua lapisan warga universiti pada masa akan datang.

Sekian.

**Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli**

**Naib Canselor**

**Universiti Malaysia Perlis**

# Kata Aluan TNC HEPA



Pada tahun ini, selain negara masih memerangi pandemik COVID-19, negara juga dilanda bencana banjir. Pengurusan UniMAP dan HEPA turut tidak ketinggalan mengatur langkah serta tindakan bagi melindungi warganya khususnya pelajar serta mengurangkan beban keluarga pelajar yang terjejas akibat bencana banjir ini.

Pelbagai bantuan telah diatur dan diberikan kepada pelajar yang terkesan akibat bencana banjir ini. HEPA selaku sekretariat utama telah bertindak menyelaras semua bantuan yang disalurkan kepada para pelajar. Antaranya adalah mengatur sukarelawan bagi membantu membersihkan kawasan banjir, menyalurkan makanan, bantuan tunai dan lain-lain. Sumbangan dan bantuan ini telah diberikan bukan hanya kepada pelajar dari kumpulan B40 malah, kepada semua pelajar yang memerlukan.

HEPA terus kekal komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelajar. Selain fokus kepada kebajikan dan kesejahteraan pelajar di dalam kampus, HEPA juga tidak ketinggalan menumpukan bantuan kepada pelajar dari sudut psikologi, kerohanian dan khidmat nasihat akademik. Dari segi pengupayaan pelajar pula, HEPA turut menyediakan dana bagi membiayai elaun pelajar yang bekerja secara sambilan di dalam kampus.

Semoga dengan bantuan yang disalurkan di setiap kawasan bencana dapat mengurangkan bebanan kepada mangsa-mangsa banjir. HEPA yang sentiasa bergerak seiring dengan aspirasi universiti, akan memfokuskan gerak kerja berinspirasi MESRA, CERGAS DAN BERINTEGRITI. Semoga segala yang dirancang dapat dilaksanakan dengan penuh iltizam dan jayanya, Insha Allah. Selamat maju jaya kepada seluruh warga P3P dan HEPA amnya.

# Dari Meja Ketua Editor



Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP!

Walaupun kita sedang melalui fasa pemulihan dalam menghadapi pandemik COVID-19 ia tidak menghalang untuk kita meneruskan rutin kehidupan dalam norma baharu. Oleh itu, Pusat Pembangunan & Perkhidmatan Pelajar (P3P) tetap memberi fokus kepada kebajikan para pelajar UniMAP yang terjejas akibat bencana banjir yang melanda negara pada awal tahun 2021, akhir tahun 2021 berlanjutan sehingga awal tahun 2022. Buletin khas Ops Kasih Banjir UniMAP Prihatin kali ini diterbitkan bagi memaparkan usaha dan kerjasama di antara pelajar, staf dan barisan Pengurusan Tertinggi dalam membantu mangsa-mangsa banjir di sekitar negeri yang terlibat.

Syukur Alhamdulillah, UniMAP dan Negeri Perlis masih terselamat dari bencana ini. Semoga Allah melindungi kita semua. Bagi melaksanakan aktiviti yang melibatkan bantuan mangsa banjir UniMAP telah menghantar beberapa orang sukarelawan dengan menaiki bas untuk membantu proses pembersihan tempat awam seperti sekolah dan kediaman masing-masing. Bantuan lain turut disalurkan seperti Kit Bantuan Banjir dan Wang Tunai dari pelbagai pihak seperti MAIPs, IR-SAF, MASKUM, Alumni UniMAP dan sumbangan individu.

Terima kasih Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), SUKSIS UniMAP, PALAPES UniMAP, UVoC, PPMS yang sentiasa membantu dalam setiap aspek yang melibatkan pelajar-pelajar di UniMAP. Tidak ketinggalan staf-staf P3P, Pengarah dan ramai lagi yang turut serta menjadi sukarelawan Ops Kasih Banjir ini. Biar ia menjadi sejarah yang boleh dijadikan teladan kepada generasi pelajar-pelajar akan datang.

Akhir kata, saya selaku Ketua Editor mengucapkan ribuan terima kasih kepada sidang redaksi yang sama-sama menjayakan penerbitan Buletin P3P Bil. 4/2021/2022. Semoga P3P terus maju jaya! UniMAP Mantap! P3P Mantap!

Nor Fadlita Ayu Binti Razi

Penolong Pendaftar

Pusat Pembangunan & Perkhidmatan Pelajar (P3P)

**PAHANG**

**KELANTAN**

**TERENGGANU**

**2021**

**OPS  
KASIH  
BANJIR**



**UniMAP**  
**Bantu Pelajarnya**  
**Yang Terjejas Banjir**



# MISI OPS KASIH BANJIR 2021

Oleh: Nur Nazlina Nadzari | UTUSAN ONLINE

ARAU: Universiti Malaysia Perlis (Unimap) menghantar seramai lapan sukarelawan bagi menyantuni 25 pelajar universiti tersebut yang terkesan akibat banjir di beberapa buah negeri dalam Misi Sukarelawan Unimap: Ops Kasih Banjir 2021. Naib Canselornya, Prof. Dr. R Badlishah berkata, seramai 15 pelajar dari Pahang, Kelantan (dua), Terengganu (empat) dan masing-masing seorang di Kedah, Perak, Selangor serta Johor dikenal pasti terlibat dalam musibah tersebut.

“Sukarelawan dipecahkan kepada dua kumpulan iaitu pasukan A yang akan bergerak ke Kelantan dan Terengganu dan pasukan B ke Kedah, Perak, Selangor, Johor dan Pahang. “Misi ini akan dilaksanakan selama tiga hari bermula hari ini hingga 8 Januari dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pandemik Covid-19 yang sebaiknya,” katanya selepas melakukan pelepasan delegasi tersebut di sini hari ini

Yang turut hadir adalah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Unimap, Prof. Dr. Mohd Fo’ad Sakdan; Pengarah Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar (P3P) Unimap, Prof. Madya Ir. Dr. Muzammil Jusoh; dan Timbalannya, Dr. Norshah Aizat Shuaib serta Pengarah Keselamatan Unimap, Mustaffa Ismail.

Tambahnya, delegasi tersebut diketuai oleh Irhamuddin Mansor dari P3P.

Sementara itu, Badlishah memberitahu, pihak Unimap akan berkunjung ke tempat tinggal pelajar yang terkesan dan menyampaikan bantuan bagi meringankan beban pelajar dan keluarga mereka.

“Bentuk sumbangan yang akan diberikan adalah berupa wang tunai, makanan dan barang keperluan lain dan diharapkan dapat meringankan beban keluarga tersebut selain membantu mereka mengharungi musibah banjir.

“Malah selepas banjir reda, Unimap berhasrat untuk membantu dari segi kerja-kerja pembersihan kawasan tempat tinggal yang dilanda banjir dan program ini akan melibatkan kumpulan pelajar dari badan kokurikulum seperti Pegawai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) dan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) yang kita anggarkan seramai 40 orang,” jelasnya.

Selain itu, beliau turut berharap agar pelajar yang menyertai misi sukarelawan ini akan terus berbakti kepada masyarakat walaupun selepas tamat belajar nanti.

“Semoga aktiviti sukarelawan yang disertai pelajar ini akan terus menyemarakkan semangat mereka untuk membantu masyarakat di sepanjang kehidupan,” ujarnya. - UTUSAN ONLINE





**KEDAH**

# MISI OPS KASIH BANJIR YAN 2021





**Disediakan Oleh:  
Nurhani Nabila Binti Mohd Noordin  
Timbalan Yang Di-Pertua (TYDP)  
Muhamad Asyraf bin Yaakob  
Exco Kepimpinan,  
Kesukarelawanan dan Pengurusan Bencana**

22 Ogos 2021 - Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menghantar seramai 30 orang sukarelawan diketuai barisan Majlis Perwakilan Pelajar bagi menghantar bantuan dan tenaga kerja sukarelawan untuk penduduk di Yan, Kedah terutamanya di SK Haji Nyak Gam yang terkesan akibat banjir di kawasan tersebut.

Sebelum perlepasan ke tempat terkesan, Naib Canselor UniMAP, Lt. Kol. Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli membuat simbolik Flag Off bersama sukarelawan yang mengikuti misi tersebut. Misi ini berlangsung selama satu hari sahaja, bas mula bertolak ke tempat kejadian pada pukul 8.00 Pagi menggunakan sebuah bas dan 2 buah van yang memuatkan peralatan keperluan.

Misi ini dilaksanakan dengan mematuhi Procedure Operation Standard (SOP) dengan ketat atas faktor keselamatan kerana misi ini berlangsung di dalam tempoh wabak pandemik Covid-19. Turut hadir pada upacara Flag Off dan juga turun padang pada hari tersebut ialah Pengarah P3P UniMAP, Prof. Madya Ir. Dr. Muzammil Jusoh dan Presiden Kelab Alumni UniMAP, Tuan Syed Akhmal Syed Jamallil.

Sehubungan dengan itu, aktiviti sukarelawan ini melibatkan kerja-kerja membersihkan kawasan utama yang terjejas akibat lumpur iaitu stor sukan dan dewan terbuka sekolah tersebut. Ia sedikit sebanyak memberi kesan kepada pihak SK Haji Nyah Gam untuk sama-sama meringankan beban dalam membersihkan kawasan tersebut dengan adanya bantuan dari sukarelawan yang disertai oleh mahasiswa UniMAP.



Selain itu, para sukarelawan dari kalangan mahasiswa UniMAP juga mendapat input yang baik dari misi sukarelawan ini antaranya seperti, nilai kerjasama dalam bantu membantu meringankan beban yang dihadapi oleh mangsa-mangsa banjir terutamanya. Sekolah menjadi lokasi utama pembersihan memberikan kesan baik kepada masyarakat setempat menunjukkan bahawa Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berusaha melahirkan mahasiswa yang berjiwa besar dalam misi-misi sukarelawan yang dianjurkan. Selain mahasiswa menjalani pembelajaran dan pengajaran (PdP) di kampus, aktiviti kesukarelawan membuka minat mahasiswa untuk terus berkhidmat kepada agama, bangsa serta negara.

Semoga aktiviti sukarelawan yang dianjurkan dan disertai oleh mahasiswa ini akan terus menyemarakkan lagi semangat untuk terus membantu berkhidmat kepada masyarakat sepanjang kehidupan.



**SELANGOR**

**MISI OPS KASIH  
BANJIR SHAH ALAM  
2021**

## MISI OPS KASIH BANJIR SHAH ALAM

### 2021

Disediakan Oleh:  
Muhammad Afnan bin Arzahari  
Exco Prasarana dan Kelestarian Kampus

20 Disember 2021 - Kira-kira 92 pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang berada bersama-sama keluarga masing-masing selepas pulang bercuti hujung minggu dikenalpasti antara yang terjejas akibat banjir di Lembah Klang. Atas dasar keprihatinan yang tinggi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menghantar seramai hampir 70 sukarelawan bagi membantu mangsa banjir di beberapa daerah Klang, Kuala Langat, dan Sepang. Naib Canselor UniMAP, Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli telah melancarkan Misi Sukarelawan UniMAP.

OPS Kasih Banjir 2021 itu yang melibatkan 60 pelajar dan 10 staf universiti dengan dua buah bas ke kawasan terbabit dan bertolak dari Bangunan Canselori UniMAP pada malam tersebut. Hadir sama adalah Pengarah Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar (P3P) yang juga ketua delegasi, Prof. Madya Ts. Ir. Dr. Muzammil Jusoh dan Pengarah Jabatan Keselamatan En. Mustafa Ismail. Terdahulu, kenderaan pacuan empat roda UniMAP yang diketuai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni), Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan telah bertolak jam 2.00 petang hari sama bagi mengenal pasti lokasi dan situasi pelajar terlibat. UniMAP juga menyalurkan bantuan berupa keperluan makanan asas harian dan juga wang tunai RM200 dengan menggunakan Tabung Kebajikan dan Tabung Bencana kepada pelajar-pelajar berkenaan.

UniMAP turut melancarkan Tabung Bantuan Banjir Lembah Klang bagi mengumpul dana kewangan untuk membeli keperluan asas supaya dapat meringankan beban yang ditanggung mangsa. Semua sukarelawan dapat menjaga diri dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan serta melaksanakan tugas dengan sebaiknya tanpa mengabaikan sensitiviti mangsa banjir. Sukarelawan UniMAP bersiap dan berkumpul awal pagi di Politeknik Shah Alam untuk proses gotong-royong pembersihan kawasan-kawasan yang terjejas. Taklimat ringkas telah diberikan oleh staf tuan rumah yang bertugas untuk memberikan gambaran awal sebelum memulakan aktiviti gotong-royong. Sebanyak tiga kumpulan sukarelawan dibentuk dan ditempatkan ke Apartment Jaya, Mayang Sastera dan Taman Tidi Jaya. Selain pelajar badan beruniform, UniMAP juga akan menghantar staf yang mempunyai kepakaran dalam bidang perubatan, teknikal dan khidmat sokongan psikologi bagi membantu mangsa banjir selaras konsep UniMAP for Society. Sebanyak enam fasa bakal dilaksanakan bagi menjayakan misi berkenaan dengan anggaran 600 pelajar dan staf universiti.



**PAHANG**

# MISI OPS KASIH BANJIR 2021, PAHANG



**Disediakan oleh:  
Nur Aiman Syafiq bin Mohd Rostam Affendi  
Pengerusi Kelab SUKSIS UniMAP**

Pada 26 sehingga 29 Disember, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menghantar seramai 76 orang sukarelawan yang terdiri daripada anggota SUKSIS, PALAPES, UVoC dan pelajar UniMAP. Sukarelawan ini bertujuan untuk menghantar bantuan dan tenaga sukarelawan untuk penduduk di sekitar Pahang terutamanya di kawasan yang terjejas dengan banjir.

Bas mula bertolak ke Pahang pada jam 9.30 malam dengan menaiki 3 buah bas, 3 buah van dan sebuah kenderaan pacuan empat roda yang memuatkan peralatan keperluan. Turut hadir turun padang pada hari tersebut ialah Naib Canselor UniMAP, Lt. Kol. Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Pengarah P3P UniMAP Prof. Madya Ir. Dr. Muzammil Jusoh, anggota Jabatan Keselamatan, kakitangan UniMAP serta pegawai-pegawai SUKSIS UniMAP.

Pelancaran Misi Ops Kasih Banjir ini dilancarkan di UiTM Jengka, Pahang pada pagi 27 Disember 2021. Turut serta dalam misi adalah para sukarelawan daripada UiTM Dungun dan penglibatan terus dari UiTM Jengka sendiri. Kerja pembersihan ini dilaksanakan di sekitar kawasan perumahan di kawasan Bera dan Mentakab

Sehubungan dengan itu, aktiviti sukarelawan ini melibatkan kerja-kerja pembersihan kawasan terjejas akibat lumpur iaitu di kawasan perumahan, tempat ibadat dan tadika. Hal ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban penduduk sekitar dengan adanya bantuan daripada sukarelawan yang turut dijayakan oleh mahasiswa UniMAP.



Selain itu, para sukarelawan dari kalangan mahasiswa UniMAP juga dapat memupuk nilai kerjasama dengan bersama-sama membantu meringankan beban yang dihadapi oleh mangsa-mangsa banjir selain memberikan sokongan moral kepada mangsa.

Misi sukarelawan ini memberikan perspektif yg baik terhadap imej Universiti Malaysia Perlis dalam kalangan penduduk setempat kerana berjaya melahirkan mahasiswa yang mampu memberi khidmat bakti kepada masyarakat berbilang bangsa dan agama selain hanya menjalani sesi kuliah di kampus. Semoga aktiviti sukarelawan yang dianjurkan dapat menyuntik semangat mahasiswa di UniMAP untuk terus membantu masyarakat.



2022

OPS  
KASIH  
BANJIR

PAHANG

# UniMAP SALURKAN SUMBANGAN BANTUAN BANJIR

# PAHANG

## TERMELOH

# UniMAP SALURKAN SUMBANGAN BANTUAN BANJIR

Oleh: Nurul Aida Othman  
Penolong Pegawai Media Pusat Komunikasi Korporat

PAUH PUTRA, 11 Januari - Hanya mengambil masa dua minggu bagi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengumpulkan dana bantuan tunai berjumlah RM10,000 untuk membantu mangsa yang terkesan ekoran banjir yang melanda beberapa negeri pertengahan Disember lalu.

“UniMAP menghantar seramai 20 sukarelawan bagi misi kali ini yang terdiri daripada staf UniMAP yang mempunyai pelbagai kepakaran.

“Selain memberikan sumbangan, misi kali ini berfokus kepada kerja-kerja pembaikan elektrikal dan cucian perumahan,” katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Untuk rekod, UniMAP telah menghantar bantuan banjir pada 21 Disember lalu ke kawasan Lembah Klang sebelum meneruskan misi pasca banjir ke beberapa lokasi di Temerloh.



Malah UniMAP juga turut berjaya mengumpulkan RM5,000 sumbangan berbentuk barangan yang diraih hasil sumbangan staf dan pelajar universiti tersebut.

Naib Canselor UniMAP, Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli berkata sumbangan ini akan disalurkan kepada mangsa di Taman Sri Nanding dan Bukit Changgang terletak di Temerloh yang menjadi lokasi angkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam misi ‘Ops Cuci Banjir’ tersebut.





# Media | Banjir



## BANTUAN PEMULIHAN PASCABANJIR

600 SUKARELAWAN UNIMAP BANTU PENYUKUT TERJEJAS DI PAHANG

BERITA TERKINI | JAWAT AWAM JADI SUKARELAWAN PASCABANJIR - KSN | LEBIH 400 KETUA ISI RUMA

28 DIS 2021 - BERITA TERKINI - 600 SUKARELAWAN UNIMAP BANTU PENYUKUT TERJEJAS DI PAHANG



## UNIMAP GERAKAN MISI PASCABANJIR DI PAHANG

UNIMAP gerakan misi pasca banjir di Pahang

13 Views · Dec 28, 2021

### MISI KEMANUSIAAN BANJIR

## Persatuan Maahad Perlis turut serta

**KANGAR**, Perlis yang berhadapan dengan banjir melanda kawasan ini sejak beberapa minggu lalu, turut menggerakkan misi kemanusiaan pasca banjir di kawasan ini. Misi kemanusiaan ini diketuai oleh Ketua Perlis, Datuk Seri Mohd Yusoff Yusoff, dan turut melibatkan wakil-wakil dari Maahad Perlis. Misi ini bertujuan untuk membantu penduduk yang terjejas akibat banjir. Perlis merupakan salah satu daerah yang terjejas akibat banjir di negeri Perlis. Perlis adalah sebuah daerah di negeri Perlis.

### UNIMAP gerak badan beruniform bantu mangsa banjir

**KANGAR**, Universiti Islam Perlis (UNIMAP) bergerak ke kawasan banjir di Perlis untuk membantu mangsa banjir. UNIMAP bergerak ke kawasan banjir di Perlis untuk membantu mangsa banjir. UNIMAP bergerak ke kawasan banjir di Perlis untuk membantu mangsa banjir. UNIMAP bergerak ke kawasan banjir di Perlis untuk membantu mangsa banjir.




Page 18

### Lebih ramai wanita ceburi bidang keusahawanan

**KANGAR**, bilangan wanita yang menceburi bidang keusahawanan semakin meningkat. Bilangan wanita yang menceburi bidang keusahawanan semakin meningkat. Bilangan wanita yang menceburi bidang keusahawanan semakin meningkat. Bilangan wanita yang menceburi bidang keusahawanan semakin meningkat.

### 'Tak hairan si miskin tolong si kaya'

**KANGAR**, ramai yang berpendapat bahawa orang miskin sepatutnya ditolong oleh orang kaya. Ramai yang berpendapat bahawa orang miskin sepatutnya ditolong oleh orang kaya. Ramai yang berpendapat bahawa orang miskin sepatutnya ditolong oleh orang kaya.




## UniMAP sedia khidmat kaunseling bantu mangsa banjir

December 28, 2021



Oleh NOOR SARA MASHITOH MOHAMAD HANIF

# Media | Banjir



29 · 12 · 2021 (星期三) A5



■ 弗艾 (前排中) 率领150名师生到水灾灾区提供援助。

## 玻馬大次批援助隊赴彭救災

(加央28日讯) 玻州马大 (UniMAP) 将安排医疗、技术与发展, 以及心理辅导援助专家, 到水灾区为灾民进行适当的生活援助。

玻马大副校长弗艾昨晚在玻马大宿舍, 与灾后援助队伍集合出发前说, 除了医疗及生活物资上的援助, 灾民在灾后也会有心理阴影, 玻马大希望心理辅导师能协助灾民走出灾变阴影, 重回正常生活。

他说, 此是“玻马大为社会” (UniMAP For Society) 行动的第二批支援, 此次将有600名来自不同制服团体的师生参与, 包括大学后备军、大学志愿警察等, 将分批到灾场协助。

第二批首轮150名师生将会到彭亨淡马鲁, 展开3天2夜灾区清理工作, 之后将会再到其他灾区协助。其他批次的师生则会安排到雪州乌鲁冷岳灾区。 (CSH/GN)

BERITA KOMUNITI NASIONAL TERKINI

## Unimap gerakan misi pasca banjir di Pahang



PARA pelajar Unimap bergotong-royong membantu membersihkan kawasan rumah salah seorang penduduk di Pahang dalam Misi Op Pasca Banjir Unimap.

Oleh MOHD, HAFIZ ABD, MUTALIB 28 Disember 2021, 2:08 pm



## 玻馬大副校長：除物資援助 派員輔導災民清理災區

弗艾 (前排中) 率领150名师生到水灾灾区提供援助。(玻马大提供)

(加央28日讯) 玻璃市马来西亚大学 (UniMAP) 将安排医疗、技术与发展, 以及心理辅导援助专家, 到水灾区为灾民进行适当的生活援助。

玻马大副校长弗艾昨晚在玻马大宿舍, 会见出发前的灾后援助队伍时说, 除了医疗

及生活物资上的援助, 灾民在灾后也会有心理阴影, 玻马大希望心理辅导师能协助灾民走出灾变阴影, 重回正常生活。

他说, 这是“玻马大为社会” (UniMAP For Society) 行动的第二批支援, 将有600名来自不同制服团体的师生参与, 包括大学后